

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

1 February 2016

Penurunan kuasa Pusat kepada Sarawak perlu dibincang secara baik

# Tidak berhajat ambil hak Sarawak - Najib

Oleh ANGELINA SINYANG  
perangar@utusan.com.my

■ BINTULU 31 JAN.

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak berkata, sebagai Perdana Menteri yang mewakili kerajaan Pusat, beliau tidak berhajat mahu mengambil hak rakyat Sarawak.

Walau bagaimanapun katanya, sebarang tuntutan terhadap penurunan kuasa kerajaan Pusat kepada negeri Sarawak perlulah dibincangkan secara baik.

"Saya kata kepada Ketua Menteri Sarawak, tak apa kita rundingkan perkara ini dengan baik.

"Kita tengok balik undang-undang kita, apa yang kita telah maktabkan dalam perjanjian Sarawak Merdeka dalam Malaysia." katanya berucap sempena Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Padang Dewan Suarah Bintulu di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem dan isteri, Puan Sri Jamilah Anu; Timbalannya, Tan Sri Alfred Jabu Numpang dan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Amar Mohamad Afsia Awang Nassar.

Menurut Najib, sekiranya undang-undang telah meluluskan perkara dituntut dan mematuhi prinsip serta semangat bersama ketika Sarawak merdeka dalam Malaysia, maka kerajaan Persekutuan akan menyerahkannya semula kepada negeri.

Namun jelasnya, perkara itu mesti dirunding dengan baik.

"Saya nak beritahu bahawa kerajaan Pusat hanya berurusan dengan kerajaan Barisan Nasional (BN) Sarawak, maknanya kalau ada orang mendakwa dia boleh men-



NAJIB TUN RAZAK bersalaman dengan orang ramai sambil diiringi Adenan Satem (kanan) ketika tiba di Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Padang Dewan Suarah, Bintulu, Sarawak, semalam. - UTUSAN/MOHAMAD GUSTIE NOORAMBIA.

dapatkan hak ini, jangan percaya kerana hanya Ketua Menteri sedia ada dan BN sahaja yang boleh menyumbang apa yang dikehendaki oleh rakyat Sarawak.

"Jadi, bagilah Adenan mandat untuk lima tahun lagi memerintah kerana beliau bukan sahaja popular tetapi merupakan kawan dan sahabat baik

kepada kerajaan Pusat," ujarnya.

Sementara itu, Adenan dalam ucapan mengakui Najib merupakan Perdana Menteri yang paling dipercayai dan mengambil berat tentang Sarawak.

Adenan berkata, dalam tempoh lebih dua tahun menjadi Ketua Menteri, beliau menyaksikan Na-

jib sudah banyak kali datang ke Sarawak walaupun bukan menjelang pilihan raya negeri (PRN).

"Kalau sejarah tertulis pada masa depan, siapakah Perdana Menteri paling bersimpati dan ambil berat terhadap Sarawak, maka orang itu tiak lain dan tidak bukan adalah Najib," katanya.